

# APO-TERAZOSIN TABLETS

Terazosin Hydrochloride (1mg, 2mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Apo-Terazosin
2. Bagaimana Apo-Terazosin berfungsi
3. Sebelum menggunakan Apo-Terazosin
4. Cara menggunakan Apo-Terazosin
5. Semasa menggunakan Apo-Terazosin
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Apo-Terazosin
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apa kegunaan Apo-Terazosin

Terazosin digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi.

Terazosin juga digunakan untuk merawat pembesaran kelenjar prostat (hiperplasia prostat benigna atau BPH).

## Bagaimana Apo-Terazosin berfungsi

Terazosin mengendurkan saluran darah, membenarkan darah untuk melaluinya dengan lebih lancar.

Untuk BPH, terazosin membantu untuk mengendurkan otot-otot di dalam kelenjar prostat dan pundi kencing. Ini dapat membantu melancarkan pengaliran urin dan mengurangkan simptom BPH. Terazosin tidak melambatkan atau menghentikan pembesaran kelenjar prostat.

## Sebelum menggunakan Apo-Terazosin

### - Bila tidak boleh menggunakan

Ubat ini tidak boleh diambil oleh mereka yang alah kepada terazosin.

### - Sebelum mula menggunakan

Beritahu doktor anda jika:

- Anda sedang hamil, bercadang untuk hamil, atau sedang menyusu anak.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Ubat-ubat yang berikut boleh mempengaruhi keberkesanan terazosin atau meningkatkan risiko mendapat kesan sampingan:

- Ubat-ubat lain yang berfungsi menurunkan tekanan darah (antihipertensi)
- verapamil

## Cara menggunakan Apo-Terazosin

### - Berapa banyak harus digunakan

Dos terazosin yang disyorkan untuk merawat tekanan darah tinggi bagi pesakit dewasa bermula pada 1 mg sebelum tidur dan perlahan-lahan ditingkatkan sehingga respon tekanan darah yang diinginkan diperoleh. Jumlah dos yang biasa ialah antara 1 mg ke 5 mg sehari.

Dos terazosin yang disyorkan untuk merawat pembesaran kelenjar prostat bermula pada 1 mg sebelum tidur, dan ditingkatkan dalam selang seminggu kepada 2 mg, 5 mg, atau 10 mg sekali sehari untuk mendapatkan penambahbaikan simptom yang diinginkan.

### - Bila perlu digunakan

Ikat arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Jangan hentikan pengambilan ubat ini tanpa merujuk kepada doktor anda terlebih dahulu. Penghentian secara tiba-tiba boleh

menyebabkan keadaan anda menjadi lebih teruk.

### - Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat semula.

Jika sudah hampir masa untuk pengambilan dos seterusnya, anda tidak perlu ambil dos yang sudah terlepas. Hanya ambil dos yang seterusnya pada waktu yang ditetapkan. Jangan ambil dos berganda.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika terlebih dos, dalam semua kes, rawatan ini perlu dihentikan dan anda perlu menghubungi doktor anda atau pergi ke bahagian kecemasan pada hospital yang berdekatan dengan segera.

## Semasa menggunakan Apo-Terazosin

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Apo-Terazosin.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Apo-Terazosin dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Pengambilan beberapa dos terazosin yang pertama boleh menyebabkan pengurangan tekanan darah yang melampau, terutama selepas bangun daripada posisi baring atau duduk. Kadangkala kehilangan kesedaran juga mungkin terjadi. Jika simptom-simptom ini berlaku, baringkan badan dan tunggu beberapa minit sebelum berdiri untuk mengelakkan perkara ini daripada berlaku semula, dan bangun secara perlahan-lahan.

**Kesan sampingan**

Kesan sampingan berikut akan hilang setelah badan anda menjadi biasa dengan ubat ini; rujuk kepada doktor anda sekiranya kesan sampingan ini berlanjutan atau memberi gangguan.

Kesan sampingan yang paling serius yang dihadapi adalah pengsan, tetapi sangat jarang berlaku.

Kesan sampingan yang lain termasuk pening, sakit kepala, hidung tersumbat, sakit dada, edema, berpeluh, atau penglihatan kabur.

Senarai ini tidak mengandungi kesan sampingan yang lengkap dan kesan lain juga mungkin berlaku. Beritahu doktor anda tentang sebarang kesan sampingan yang luar biasa atau mengganggu.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers Reporting*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan Apo-Terazosin**

- Penyimpanan

Anda diingatkan supaya menyimpan APO- TERAZOSIN. dan semua ubat-ubat lain jauh daripada kanak-kanak.

Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput yang tertera pada bekas ini.

Simpan APO-TERAZOSIN pada suhu bilik (bawah 25°C), jauh daripada cahaya.

- Pelupusan

Sekiranya anda masih mempunyai lebihan ubat ini selepas anda hentikan pengambilannya atas arahan doktor atau kerana anda dapatti ubat ini telah melepassi tarikh luputnya, sila rujuk kepada ahli farmasi anda tentang langkah yang perlu diambil.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

1 mg: setiap satu tablet berwarna putih, berbentuk bulat, permukaan leper dan bersisi serong, berukir “APO” pada satu permukaan dan “T1” pada satu lagi. Mengandungi 1 mg terazosin sebagai terazosin hidroklorida.

2 mg: setiap satu tablet berwarna jingga, berbentuk bulat, leper dan bersisi serong, berukir “APO” pada satu permukaan dan “T2” pada satu lagi. Mengandungi 2 mg terazosin sebagai terazosin hidroklorida.

- Bahan-bahan Kandungan

Bahan Aktif: Terazosin

Bahan Tidak Aktif: Kanji jagung, *microcrystalline cellulose*, *magnesium stearate* dan *anhydrous lactose*.

Apo-Terazosin 2mg juga mengandungi *D & C Kuning #10 Aluminium Lake 14-18%* dan *Sunset Yellow Aluminium Lake 40%*.

- Nombor MAL

1mg: MAL 20034223A

2mg: MAL 20034224A

**Pengilang**

Apotex Inc.  
150 Signet Drive  
Weston Toronto Ontario  
M9L 1T9 Canada

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Pharmaforte (M) Sdn Bhd  
2, Jalan PJU 3/49  
Sunway Damansara  
47810 Petaling Jaya

**Tarikh Kemaskini RiMUP**

4/12/2014

**Nombor Siri**

BPFK(R4/1)271014/00037